

Headline	4 ikon terima Anugerah Merdeka 2016		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	632 cm <sup>2</sup>
Journalist	Luqman Arif Abdul Karim	AdValue	RM 21,702
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,106



# 4 ikon terima Anugerah Merdeka 2016

➔ L Krishnan  
antara  
penerima  
Kategori  
Pendidikan,  
Komuniti

Oleh Luqman Arif  
Abdul Karim

luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**T**okoh perfileman Melayu, Tan Sri Lakshmanan Krishnan adalah antara empat individu yang dinobatkan penerima Anugerah Merdeka 2016.

Berpengalaman luas sebagai pengarah dalam lebih 30 filem, Krishnan yang dilahirkan di Chennai (dahulu Madras), India pada 1922 turut melahirkan pelbagai pelakon tersohor termasuk Allahyarham Tan Sri P Ramlee.

Antara filem Melayu klasik yang mendapat sentuhan Krishnan adalah *Orang Lichin* pada 1957; *Orang Minyak* (1958) dan *Serangan Orang Minyak* (1959).

Menyingkap soroton pengalaman berkecimpung dalam industri perfileman, Krishnan, 94, berkata pengalaman menjadi pengarah mendewasakan dan membuka perspektif pemikirannya dalam pelbagai perkara.

"Kali pertama saya bawa Ramlee untuk diketengahkan sebagai teraju dalam filem, orang memandang rendah kepadanya kerana muka beliau ketika itu penuh jerawat.

"Tetapi saya yakin anak muda ini boleh menyinar jika diberi peluang, justeru saya beri peluang

kepada Ramlee untuk menjadi teraju utama dalam sebuah filem. Mungkin kerana terlalu teruja, dialog Ramlee pertama adalah 'apa bakar cik khabar' yang sehingga kini masih segar dalam ingatan saya," katanya ketika menyampaikan ucapan di Dewan Filharmonik PETRONAS di sini, malam tadi.

## Sultan Perak berkenan sampaikan anugerah

Terdahulu, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah selaku Penaung Diraja Lembaga Pemegang Amanah Anugerah Merdeka berangkat menyampaikan anugerah kepada Krishnan bagi Kategori Pendidikan dan Komuniti.

Yang turut berangkat, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Yang hadir sama, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Datuk Seri Wan Zulkiflee Wan Ariffin.

Penyandang Anugerah Merdeka 2016 bagi kategori Alam Sekitar adalah Tan Sri Dr Salleh Mohd Noor, 76, atas sumbangannya dalam pelbagai usaha pemuliharaan hutan di Malaysia menerusi ke-

pemimpinannya di Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) dan

Persatuan Alam Semulajadi Malaysia (MNS).


Prof Datuk Dr Looi Lai Meng, 66, pula dinobatkan penerima Anugerah Merdeka 2016 bagi Kategori Kesihatan, Sains dan Teknologi bagi menghargai sumbangannya merintis penyelidikan mengenai penyakit amiloidosis, patologi renal dan kanser di negara ini.

Anugerah Merdeka 2016 bagi kategori Pencapaian Ilmiah Luar Biasa pula diberi kepada Prof Datuk Dr Wan Ramli Wan Daud, 61, kerana bergiat aktif dalam membangunkan penyelidikan teknologi sel bahan api dan tenaga hidrogen di Malaysia serta rantau Asia.

Mereka masing-masing memperoleh sijil, trofi dan RM500,000, selain diberi penghormatan berada dalam senarai penerima anugerah sama yang dibarisi 34 individu dan dua organisasi.

Sejak pembentukannya pada tahun 2007 hasil kerjasama PETRONAS, ExxonMobil dan Shell, Anugerah Merdeka mengiktiraf 34 individu dan dua organisasi cemerlang, masing-masing dimartabatkan menjadi ikon untuk diteladani generasi pascamerdeka.

Headline	4 ikon terima Anugerah Merdeka 2016		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	632 cm <sup>2</sup>
Journalist	Luqman Arif Abdul Karim	AdValue	RM 21,702
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,106



Headline	4 ikon terima Anugerah Merdeka 2016		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	632 cm <sup>2</sup>
Journalist	Luqman Arif Abdul Karim	AdValue	RM 21,702
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,106



[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

**Sultan Nazrin berkenan bergambar bersama penerima anugerah**, dari kiri, Wan Ramli, Lai Meng, Salleh dan Krishnan pada majlis Anugerah Merdeka 2016 di Dewan Filharmonik PETRONAS, Kuala Lumpur malam tadi. Yang turut serta Pengerusi PETRONAS, Tan Sri Sidek Hassan (empat dari kanan), Wan Zulkiflee (tiga dari kanan) Pengerusi ExxonMobil Malaysia, See Kok Yew (dua dari kanan) dan Pengerusi Shell Malaysia, Datuk Iain Lo.